



BENCANA MUSIM MONSUN TIMUR LAUT (MTL) 2025/2026 : SEKILAS DATA



7
NEGERI



12
DAERAH



51
PPS AKTIF



3,573
KELUARGA



10,131
MANGSA



0
KEMATIAN

* Data sehingga 24 November 2025 jam 12.00 tengah malam

PPS: Pusat Pemindahan Sementara

PERLIS	
Daerah	: 1
PPS Aktif	: 4
Keluarga	: 169
Mangsa	: 589

KEDAH	
Daerah	: 1
PPS Aktif	: 3
Keluarga	: 122
Mangsa	: 404

KELANTAN	
Daerah	: 4
PPS Aktif	: 33
Keluarga	: 3,013
Mangsa	: 8,228

PULAU PINANG	
Daerah	: 1
PPS Aktif	: 3
Keluarga	: 48
Mangsa	: 211

TERENGGANU	
Daerah	: 1
PPS Aktif	: 2
Keluarga	: 113
Mangsa	: 369

PERAK	
Daerah	: 3
PPS Aktif	: 5
Keluarga	: 102
Mangsa	: 304

SELANGOR	
Daerah	: 1
PPS Aktif	: 1
Keluarga	: 6
Mangsa	: 26

PETUNJUK

Sempadan Negeri

INDIKATOR MANGSA (ORANG)

1 – 1,000

1,001 – 5,000

Melebihi 5,000



PERINCIAN MENGIKUT NEGERI

NEGERI	JENIS BENCANA	DAERAH	PPS AKTIF	KELUARGA	MANGSA	TREND
Kelantan	Banjir 🏠	Tumpat	10	1,727	4,352	Tidak Berubah
		Kota Bharu	17	785	2,264	Tidak Berubah
		Bachok	5	467	1,487	Tidak Berubah
		Pasir Puteh	1	34	125	Tidak Berubah
	JUMLAH		33	3,013	8,228	Tidak Berubah
Perlis	Banjir 🏠	Perlis	4	169	589	Tidak Berubah
	JUMLAH		4	169	589	Tidak Berubah
Kedah	Banjir 🏠	Kulim	3	122	404	Tidak Berubah
	JUMLAH		3	122	404	Tidak Berubah
Terengganu	Banjir 🏠	Besut	2	113	369	Tidak Berubah
	JUMLAH		2	113	369	Tidak Berubah
Perak	Banjir 🏠	Perak Tengah	2	84	260	Tidak Berubah
		Manjung	2	13	29	Tidak Berubah
		Batang Padang	1	5	15	Tidak Berubah
	JUMLAH		5	102	304	Baharu
Pulau Pinang	Banjir 🏠	Seberang Perai Utara	3	48	211	Tidak Berubah
	JUMLAH		3	48	211	Tidak Berubah
Selangor	Banjir 🏠	Sabak Bernam	1	6	26	Tidak Berubah
	JUMLAH		1	6	26	Tidak Berubah
JUMLAH KESELURUHAN			51	3,573	10,131	Meningkat

* Trend: Perbandingan dengan data jam 8.00 malam



SITUASI TERKINI

- Sehingga **24 November 2025, jam 12.00 tengah malam**, terdapat **12 daerah** di **tujuh negeri** yang dilanda bencana dengan **peningkatan** jumlah mangsa kepada **10,131 dalam tempoh 24 jam** (berbanding **1,642 mangsa** pada **23 November 2025**). Ia melibatkan **3,573 keluarga** yang ditempatkan di **51 Pusat Pemindahan Sementara (PPS)**. Jumlah PPS yang dibuka juga **meningkat** berbanding **12 PPS** pada **23 November 2025**.
- Tiga (3) daerah yang paling teruk terjejas** adalah di **Tumpat, Kelantan (4,352 mangsa)**, **Kota Bharu, Kelantan (2,264 mangsa)** dan **Bachok, Kelantan (1,487 mangsa)**.



MAKLUMAT CUACA DAN ARAS AIR SUNGAI SEMASA

- Tiga (3) stesen meteorologi** yang mencatatkan **jumlah hujan harian tertinggi** pada **23 November 2025** adalah **Kota Bharu, Kelantan (340.0 mm)**; **Tumpat, Kelantan (312.2 mm)** dan **Padang Besar, Perlis (277.3 mm)**.
- Satu sistem tekanan rendah telah terbentuk di Selat Melaka dan kini berada di kedudukan **5.4°U 98.3°T** berhampiran kawasan perairan utara Semenanjung. Posisi sistem ini hampir pegun dan dijangka bergerak ke arah barat laut menuju ke Teluk Benggala selepas tempoh 36 jam.
- Kemungkinan intensiti sistem ini untuk meningkat ke tahap siklon tropika lemah (Lekukan Tropika) adalah rendah. Walau bagaimanapun, keadaan ini boleh menyebabkan hujan lebat berterusan, angin kencang dan laut bergelora di negeri-negeri utara dan barat Semenanjung pada 23 hingga 25 November 2025.
- Sehubungan itu, MET Malaysia telah mengeluarkan Amaran Hujan Berterusan (Bahaya, Buruk dan Waspada) berkuat kuasa sehingga 25 November 2025 serta Amaran Angin Kencang dan Laut Bergelora melibatkan negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Pahang dan Selangor berkuat kuasa sehingga 24 November 2025.

Sumber : Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)

- Sehingga 23 November 2025, jam 10.00 malam, **lima Amaran Banjir** yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang melibatkan negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak, Kelantan dan Terengganu berkuatkuasa sehingga 26 dan 27 November 2025.

Sumber : Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)



LANGKAH-LANGKAH KESIAPSIAGAAN OLEH AGENSI KERAJAAN

- NADMA selaku urus setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) akan sentiasa memastikan semua agensi meningkatkan kesiapsiagaan menghadapi bencana di semua peringkat.
- Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) telah diaktifkan di negeri-negeri yang dilanda banjir bagi memastikan PPS dilengkapi dengan kemudahan asas yang mencukupi dan menyelaraskan semua aktiviti tindak balas melibatkan pelbagai agensi.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyalurkan pelbagai bentuk bantuan makanan kepada mangsa banjir yang ditempatkan di PPS. Di Kelantan, bantuan meliputi bahan mentah basah dan kering bagi pelaksanaan gotong-royong memasak di PPS selain kelengkapan asas keperluan bencana. Di Terengganu, Kedah, Pulau Pinang dan Perlis, JKM turut menyediakan pek makanan siap (pack food) kepada mangsa, di samping agihan kelengkapan asas bencana mengikut keperluan semasa. JKM turut mengagihkan bantuan tambahan seperti keperluan wanita, susu bayi, lampin pakai buang bayi dan dewasa serta barangan lain yang diperlukan mengikut situasi di PPS.
- Bagi memastikan kelancaran operasi logistik, JKM telah mengaktifkan lokasi penyimpanan makanan dan keperluan di negeri terlibat. Di Terengganu, bekalan disimpan di Depoh Marang, Stor Daerah Besut, Pangkalan Hadapan Besut dan Pulau Redang. Di Kelantan, penyimpanan dilakukan di Depoh Pengkalan Chepa, stor daerah dan pangkalan hadapan daerah. Kedah menggunakan stor JKM daerah dan pangkalan hadapan, manakala Pulau Pinang mengoperasikan Stor JKM Seberang Perai Utara serta pangkalan hadapan. Perlis pula mengaktifkan Stor JKM Negeri sebagai pusat agihan utama.



- Bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan bantuan, JKM telah melantik pengurus PPS di setiap lokasi bagi memastikan pemantauan rapi terhadap kecukupan bekalan serta keperluan mangsa. Selain itu, kerjasama turut dijalankan bersama Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) melalui penyewaan lori bagi membantu penghantaran segera barangan keperluan bencana ke PPS yang terlibat.

Sumber : Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaporkan tiada fasiliti kesihatan yang terjejas akibat banjir dan tiada keperluan untuk mengaktifkan fasiliti alternatif. Bagi memastikan perkhidmatan perubatan berjalan lancar, KKM telah menggerakkan 31 pasukan perubatan kecemasan (EMT) ke PPS yang dibuka, terdiri daripada 20 *Rapid Response Team* (RRT) Kesihatan dan 11 RRT Perubatan. Pasukan ini menyediakan rawatan perubatan kepada mangsa serta melaksanakan langkah pencegahan penyakit di PPS. Setakat ini, tiada wabak penyakit berjangkit dilaporkan.

Sumber : Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

- Tenaga Nasional Berhad (TNB) memaklumkan bahawa beberapa kawasan terpaksa diputuskan bekalan elektrik bagi tujuan keselamatan. Di Kelantan, kawasan terlibat ialah asrama Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Taman Bendahara di Kota Bharu serta Wakaf Aik di Bachok. Di Perak, bekalan turut dihentikan di Taman Wira Damai dan Taman Mas, Manjung. Tiada Pusat Pemindahan Sementara (PPS) yang terjejas bekalan elektrik setakat ini. Bagi memastikan kesinambungan bekalan di kawasan kritikal, TNB telah menyediakan genset di lokasi strategik dan melaksanakan pemulihan bekalan melalui genset di pencawang yang selamat untuk dioperasikan.

Sumber : Tenaga Nasional Berhad (TNB)

- Sebanyak 37 institusi pendidikan terjejas akibat banjir di beberapa negeri. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut: Sarawak (1 sekolah rendah), Sabah (3 sekolah rendah), Kelantan (12 sekolah rendah, 2 sekolah menengah, 1 Kolej Vokasional dan 1 Permata) serta Perak (12 sekolah rendah dan 5 sekolah menengah).

- Selain itu, 39 PPS premis sekolah telah dibuka bagi menempatkan mangsa banjir. Negeri terlibat ialah Kelantan (27 sekolah rendah, 2 sekolah menengah), Kedah (1 sekolah rendah), Terengganu (2 sekolah rendah), Perlis (3 sekolah rendah), Perak (2 sekolah rendah) dan Pulau Pinang (2 sekolah rendah).
- Seramai 586 murid, 96 guru/ Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) dan 133 pegawai terlibat secara keseluruhan dengan pecahan utama terdiri daripada Kelantan (748 orang), Kedah (37 orang), Pulau Pinang (8 orang) dan Terengganu (22 orang).

Sumber : Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

- Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://portalbencana.nadma.gov.my> dan <https://www.nadma.gov.my>



MAKLUMAT SITUASI JALAN YANG DITUTUP DAN JALAN ALTERNATIF UNTUK KAWASAN DILANDA BANJIR

BIL	TARIKH KEJADIAN	DAERAH	NO.LALUAN	NAMA JALAN	LOKASI KEJADIAN	JENIS KEJADIAN	STATUS	STATUS JALAN	JALAN ALTERNATIF
1.	17/11/2025	GUA MUSANG, KELANTAN	D29	JALAN GUA MUSANG - JELAWANG	LADANG SG. TERAH	JALAN RUNTUH	SEDANG DIBAIKI	JALAN DITUTUP SEPENUHNYA	DARI : JALAN MERAPOH - GUA MUSANG, 18300 GUA MUSANG, KELANTAN. HINGGA : LALUAN PERSEKUTUAN 8, KAMPUNG LALOH, 18000 KUALA KRAI, KELANTAN
2.	23/11/2025	PERLIS	FT22	JALAN KAKI BUKIT - WANG KELIAN	1.5KM DARI VIEWPOINT WANG KELIAN	CERUN RUNTUH	AKAN DIBAIKI	JALAN DITUTUP SEPENUHNYA	TIADA JALAN ALTERNATIF
3.	23/11/2025	SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG	P119	JALAN ARA KUDA	MAAHAD TAHFIZ TURATH AL KHODAFI	BANJIR KILAT	AIR NAIK	JALAN DITUTUP SEPENUHNYA	TIADA JALAN ALTERNATIF



JUMLAH KEKUATAN ANGGOTA DAN ASET AGENSI TINDAK BALAS

BIL.	NEGERI	AGENSI	ANGGOTA	ASET
1.	KELANTAN	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	75	4x4/SUV/VAN: 10, AMBULANS/EMRS: 3, BOT: 5, LORI/FRT/LFRT: 5
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	57	4x4/SUV/VAN: 3, LORI/FRT/LFRT: 2
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	33	4x4/SUV/VAN: 5, LORI/FRT/LFRT: 2
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	73	4x4/SUV/VAN: 14, BOT: 4, LORI/FRT/LFRT: 10
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	94	-
2.	TERENGGANU	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	18	4x4/SUV/VAN: 2, BOT: 1, MOTOSIKAL: 2
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	5	4x4/SUV/VAN: 1
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	7	4x4/SUV/VAN: 1
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	10	AMBULANS/EMRS: 1, LORI/FRT/LFRT: 1
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	8	-



BIL.	NEGERI	AGENSI	ANGGOTA	ASET
3.	PERLIS	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	24	4x4/SUV/VAN: 6, AMBULANS/EMRS: 1, BOT: 2, LORI/FRT/LFRT: 2
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	3	4x4/SUV/VAN: 1
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	21	4x4/SUV/VAN: 5, BOT: 4, LORI/FRT/LFRT: 3
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	6	-
4.	KEDAH	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	14	4x4/SUV/VAN: 3, BOT: 2, MOTOSIKAL: 2
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	3	4x4/SUV/VAN: 1
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	21	4x4/SUV/VAN: 1, BOT: 1, LORI/FRT/LFRT: 3
5.	PULAU PINANG	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	15	4x4/SUV/VAN: 2,, BOT: 2, LORI/FRT/LFRT: 1
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	8	4x4/SUV/VAN: 1, BOT: 2, LORI/FRT/LFRT: 1
6.	PERAK	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	20	4x4/SUV/VAN: 6, BOT: 4, LORI/FRT/LFRT: 3